

06/03/2001

Guru Cerdik harus renung isu secara mendalam

Bakhari Ariff

PEMIKIR kreatif seperti Dr Edward de Bono dalam buku-bukunya acap kali membelasah cara pemikiran kritis kerana cara berfikir demikian tidak mengemukakan cadangan atau idea-idea bernas, sebaliknya hanya mampu mengemukakan kritikan.

Cara pemikiran kreatif menggalakkan cadangan dan idea dengan memperluaskan persepsi sebelum sesuatu kritikan atau keputusan dibuat, iaitu menanggukkan pemikiran kritis.

Pemikiran kritis lebih mudah kerana caranya hanya untuk mencari kesalahan orang lain atau mengkritik idea tanpa mampu mengemukakan idea sendiri, malah pengamal cara ini begitu takut sekali dengan idea dan cadangan.

Keadaan luar biasa atau penemuan besar dalam tamadun manusia selalunya bermula dengan cara pemikiran kreatif kerana cara ini mencipta sesuatu yang baru atau melihat sesuatu dengan cara baru.

Sebaliknya, pemikiran kritis akan mengekalkan status-quo dan bimbang dengan perubahan. Kumpulan ini hanya akan melihat ke belakang manakala cara berfikir kreatif akan melihat masa kini dan masa depan.

Kepemimpinan negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah contoh pemimpin yang boleh mengemukakan cadangan dan melakukan perubahan yang kadangkala tidak terfikir oleh kebanyakan orang.

Dalam kemelut ekonomi yang membimbangkan seluruh rakyat pada akhir 1997 sehingga hampir mendorong negara untuk meminjam dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir bertekad untuk enggan menerima IMF dan mencetuskan idea memulihkan ekonomi dengan cara berbeza, termasuk memperkenalkan kawalan mata wang secara berpilih.

Begitulah juga kebijaksanaan Perdana Menteri dalam melantik Menteri dan Timbalan Menteri dari kalangan senator untuk menerajui Kementerian Pendidikan.

Memang, ramai orang tidak terfikir mengenai cara Perdana Menteri memilih dan membuat keputusan, tetapi dalam jangka panjang kebijaksanaannya akan terserlah.

Ketika sesetengah orang Melayu masih beranggapan 'Melayu tidak boleh membuat apa-apa hatta jarum', Dr Mahathir menghapuskan anggapan itu dan memperkuatkan kembali psikologi orang Melayu dan bangsa Malaysia dengan memperkenalkan Hicom dan Proton untuk membuktikan orang Melayu boleh membuat kereta.

Pada waktu idea awal untuk negara menceburi industri membuat kereta, kalangan ekonomis agak pesimis dengan idea berkenaan.

Sekarang, telah terbukti kejayaannya dan beribu-ribu orang Melayu atau Bumiputera boleh bekerja di kilang membuat kereta.

Ringkasnya, seseorang boleh melihat sesuatu sekurang-kurangnya melalui dua perspektif, iaitu pandangan juling dengan menghentam atau mengkritik idea orang lain atau melalui perspektif yang agak membina dengan berkongsi idea dan cadangan.

Tulisan 'Guru Cerdik' dari Kemaman, Terengganu yang tersiar dalam akhbar ini pada 27 Februari 2001 turut terperangkap dengan cara melihat sesuatu dengan pandangan juling tanpa mampu mengemukakan hujah-hujah membina.

'Guru Cerdik' telah menyenaraikan beberapa isu, termasuk pelantikan Menteri dan Timbalannya di Kementerian Pendidikan di kalangan Senator serta cara menangani masalah berhubung dengan Sekolah Wawasan, bahasa baku, isu perpindahan SJK (C) Damansara dan isu Pusat Asasi Sains,

Universiti Malaya.

Untuk pengetahuan 'Guru Cerdik' dan pembaca akhbar ini, cara seseorang mengatasi sesuatu isu adalah berbeza walaupun mereka mempunyai matlamat yang sama.

Kaedah untuk mengatasinya pelbagai walaupun matlamat yang dituju adalah sama, iaitu untuk kebaikan semua pihak, khususnya kebaikan kepada pelajar.

Mengenai isu Sekolah Wawasan, matlamatnya semata-mata untuk perpaduan, iaitu untuk merapatkan lagi interaksi di kalangan murid berbilang kaum sejak mereka di bangku sekolah rendah lagi, dengan mewujudkan infrastruktur yang memungkinkan perpaduan, termasuk berkongsi kantin, padang permainan dan kompleks sekolah.

Seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, keadaan sekarang lebih 90 peratus kanak-kanak berketurunan Cina memasuki Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina, lebih 65 peratus kanak-kanak India memasuki SJK Tamil dan lebih 95 peratus anak Melayu memasuki sekolah kebangsaan.

Sedangkan sekolah kebangsaan adalah sekolah negara, iaitu seperti dinyatakan oleh Penyata Rahman Talib 1956, iaitu sekolah kebangsaan perlu menjadi tempat memupuk perpaduan di kalangan rakyat negara ini.

Masa depan rakyat negara ini sangat bergantung erat dengan perpaduan yang boleh diwujudkan di kalangan generasi muda hari ini.

Kita juga sudah menyaksikan bagaimana pelajar berbilang kaum di universiti juga sangat sukar untuk diakrabkan apabila diperkenalkan program 'perkongsian bilik'.

Malangnya, idea murni ini terus dibantah oleh sesetengah pihak, terutama di kalangan pendidik Cina yang dikenali sebagai Dong Jiao Zhong (Kesatuan Guru-Guru Sekolah Cina dan Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina), dengan hujah tidak meyakinkan, iaitu Sekolah Wawasan akan menghapuskan ciri sekolah Cina.

Kami setuju dengan pandangan 'Guru Cerdik' bahawa Sekolah Wawasan tidak sepatutnya 'sengaja dipolitikkan' kerana ia menjejaskan hasrat kerajaan untuk mewujudkan perpaduan.

Bagaimanapun, rata-rata ahli politik yang memahami hasrat murni ini bersetuju dengan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan Sekolah Wawasan sebagai satu kaedah untuk mengatasi polarisasi kaum.

Kementerian Pendidikan juga sudah memaklumkan mengenai cadangan Sekolah Wawasan ke peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), serta kepada hampir semua Exco Pendidikan setiap negeri dan juga beberapa sesi dialog dengan pelbagai pihak, dari semasa ke semasa.

Oleh itu, dakwaan 'Guru Cerdik' bahawa Kementerian Pendidikan gagal mengarahkan JPN dan PPD bukan saja kurang tepat, tetapi juga perlu lebih cerdik.

Kementerian Pendidikan juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada media massa, elektronik dan Internet kerana turut memainkan fungsi dalam menjelaskan isu Sekolah Wawasan.

Mengenai isu SJK (C) Damansara, Menteri Pendidikan memberikan kata dua kepada sekolah kerana permintaan untuk berpindah adalah permintaan Lembaga Pengurus, PIBG dan guru sekolah, maka mereka diminta bertanggungjawab untuk memujuk 67 murid yang masih enggan berpindah.

Musa tidak menggunakan ketegasan di peringkat awal adalah untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pendidik, iaitu memberi peluang kepada semua murid supaya mendapat pendidikan yang sempurna mungkin, seperti yang tercatat dalam Piagam Pelanggan Kementerian Pendidikan.

Selepas tanggungjawab memujuk dilaksanakan oleh guru besar, PIBG dan Lembaga Pengurus SJK (C) Damansara dilaksanakan, termasuk bersedia menyediakan pengangkutan kepada pelajar miskin untuk membolehkan mereka berpindah, maka tanggungjawab dari segi pendidikan sudah dilaksanakan.

Ketidakupayaan penulis untuk memahami kedua-dua isu ini, Sekolah Wawasan dan SJK (C) Damansara, kerana beliau gagal melihat fungsi Dong Jiao Zhong dan parti-parti politik tertentu yang sengaja mempolitikkan isu berkenaan untuk kepentingan mereka, dan juga kerana kebimbangan mengenai nasib sekolah-sekolah Cina.

Perlu ditegaskan, Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan kewujudan SJK(C) dan SJK(T).

Walau apapun cara digunakan untuk menjelaskan isu Sekolah Wawasan dan isu SJK(C) Damansara, kumpulan Dong Jiao Zhong dan parti-parti politik tertentu akan terus memesongkan fakta berkenaan tanpa berhasrat menyelesaikan secara rasional.

Orang ramai dan `Guru Cerdik' dari Kemaman yang mahu mendapatkan penjelasan menyeluruh mengenai isu ini boleh menyemak kenyataan penuhnya dalam laman web Kementerian Pendidikan melalui alamat: moe.-gov.my, selain kenyataan dan penjelasan dalam akhbar serta majalah.

Begitu juga isu Pusat Asasi Sains Universiti Malaya, Kementerian Pendidikan dengan persetujuan Kabinet bercadang memindahkan program matrikulasi ke Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi membolehkan lebih ramai lagi Bumiputera memasuki universiti.

`Guru Cerdik' membangkitkan sepatutnya Perdana Menteri tidak usah campur tangan mengenai isu Pusat Asasi Sains UM. Sebenarnya, cadangan memindah program matrikulasi ke Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan adalah keputusan Kabinet pada Mac 1999, sebelum pembentukan barisan Kabinet baru lagi.

Oleh sebab ia keputusan Kabinet, maka tidak ada sesiapa hatta Menteri Pendidikan atau Naib Canselor Universiti Malaya yang boleh membatalkan keputusan itu melainkan mendapat persetujuan Kabinet atau Perdana Menteri.

Alangkah lebih baik bagi `Guru Cerdik' untuk menyemak dan membaca penjelasan Musa dalam temubualnya dengan Minggu Malaysia bertarikh 11 Februari lalu atau menyemak dalam laman web Kementerian Pendidikan.

Mengenai masalah beg sekolah berat, Kementerian Pendidikan menganggap ia bukanlah isu nasional kerana ia boleh ditangani oleh sekolah masing-masing.

Kementerian Pendidikan bersedia membantu, termasuk dengan memperkenalkan meja dan almari berkunci.

Alhamdulillah, nampaknya masalah beg berat sedikit reda dan nampaknya kaedah memperkenalkan meja dan almari berkunci, sedikit-sebanyak mengurangkan beban pelajar di sekolah rendah.

Memanglah Kementerian peloklah `Guru Cerdik' merenung secara mendalam perkara ini supaya menjadi lebih cerdik dan bijaksana, semoga kita semua akan mendapat manfaat.

Begitupun, semua warga Kementerian Pendidikan berpegang kepada amanah dan tanggungjawab mengangkat martabat bangsa supaya muncul sebagai bangsa gagah pada hari muka dan sedaya mungkin mengatasi masalah yang berbangkit dari semasa ke semasa.